

18/01/1997

Dr M mahu siasatan menyeluruh tender Telekom Malaysia

SANTA CLARA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu siasatan menyeluruh dijalankan ke atas dakwaan wujudnya penyelewengan dalam pemberian tender oleh Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) kepada Ericsson.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak mendapat banyak maklumat mengenai perkara itu kerana hanya dimaklumkan oleh Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum berlepas ke Amerika Syarikat, akhir minggu lalu.

"Sebelum datang ke sini, Datuk Seri Anwar ada menyebut mengenai perkara itu, tetapi saya tidak tanya secara terperinci. Tetapi kalau ada tuduhan, kita kenalah buat siasatan.

"Selagi siasatan belum selesai, saya tidak berani buat apa-apa komen," katanya mengulas laporan mengenai dakwaan penyelewengan dalam pemberian tender Telekom kepada Ericson yang membabitkan jumlah wang agak besar.

Mengulas laporan itu semalam, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Mohamed Said Mohamed memberi jaminan pihaknya berjanji akan menjalankan siasatan menyeluruh terhadap kes itu kerana ia adalah satu dakwaan serius.

Sementara itu, di LONDON Ericsson sedia bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia dalam menjalankan siasatan terhadap dakwaan penyelewengan pemberian tender oleh Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) kepada syarikat telekomunikasi yang berpangkalan di Sweden itu.

Naib Presiden Perhubungan Korporat Ericsson, Lars Stalberg, berkata pihaknya juga akan memberikan laporan mengenai dakwaan itu jika diminta berbuat demikian.

"Kami sedia membantu Kerajaan Malaysia untuk menjalankan siasatan terhadap perkara ini. Kami akan memberikan sokongan penuh," katanya.

(END)